

<b>Publication</b>	<b>Harian Metro</b>	<b>Section /Page No.</b>	<b>Setempat/ Pg. 18</b>
<b>Date</b>	<b>Thu, 15<sup>th</sup> Sept 2016</b>	<b>Lead Article</b>	<b>No</b>
<b>Headline</b>	<b>BAHTERA 2016 Bantu Bumiputera</b>		

## BAHTERA 2016 bantu Bumiputera

**Putrajaya:** Kementerian Kewangan melalui Pejabat Pembangunan Keusahawanan Nasional (NEDO) akan mengadakan program BAHTERA 2016 (Edisi Utara) selama dua hari bermula 8 dan 9 Oktober ini dalam usaha membantu usahawan Bumiputera di negara ini.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah berkata, pihaknya menggalakan pembabitan Bumiputera terutama golongan muda bukan saja untuk memulakan perniagaan, malah mengetahui cara dan model baru perniagaan yang mampu bersaing di peringkat global.

"Ini satu daripada platform yang baik untuk setiap usahawan Bumiputera terutama golongan muda bagi memastikan mereka bersedia menghadapi cabaran dunia keusahawanan pada masa akan datang.

"Pelbagai kemudahan disediakan untuk mereka, ditambah pula dengan kemajuan teknologi komunikasi maklumat (ICT) yang mampu meningkatkan produktiviti dan keuntungan, selain membantu peniaga mengukuhkan penjenamaan produk atau perkhidmatan mereka," katanya selepas melancarkan Majlis Pra-Pelancaran Bahtera 2016 Edisi Utara di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Unit

Strategi Nasional (NSU) Di Aminuddin Hassim, Ketua Pejabat Pembangunan Keusahawanan Nasional (NEDO) Mohd Zahrin Mohd Nor dan Ketua Penyelaras BAHTERA 2016 (Edisi Utara) Nadira Mohd Yusoff.

Mohd Irwan Serigar berkata, BAHTERA 2016 (Edisi Utara) akan diadakan di Sungai Petani, Kedah kerana ia tempat strategik bagi kawasan utara yang bakal membuka ruang kepada semua pihak termasuk sektor swasta dan kerajaan di peringkat tempatan dan nasional.

"Kita menerima sambutan menggalakkan pada program sebelum ini dan atas permintaan ramai, kita akan melaksanakan di beberapa kawasan seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pembabitan usahawan Bumiputera semakin meningkat, namun kebanyakannya mereka tidak kehadapan walaupun peluang itu wujud dan mampu membawa produk mereka ke peringkat lebih tinggi.

"Kita berharap usahawan yang ingin menceburi bidang ini dapat mengambil peluang daripada program bakal diadakan supaya dapat membina perniagaan berskala tinggi dan mempunyai pelbagai sumber modal alternatif," katanya.



DR Mohd Irwan